



**MINIT MESYUARAT KALI KE-59 MAJLIS BERSAMA JABATAN
YANG DIADAKAN PADA HARI AHAD 30 JUN 2019, JAM 9.00 PAGI
BERTEMPAT DI DEWAN PERSIDANGAN UNIVERSITI, KAMPUS KESIHATAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Kehadiran : Pengerusi

YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma binti Ismail
Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari bin Halim
Pengarah Kampus Kesihatan

YBr. Profesor Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

YBr. Dr. Musa bin Ali
Pendaftar

YBr. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

YBr. Dr. Rohayati binti Mohd Isa
Bendahari

Encik Mohd Azizudin Bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Profesor Madya Dr. Baharudin bin Ibrahim
Dr. Syahidah Akmal binti Muhammad
Profesor Madya Dr. Muzaimi Mustapha

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

YBr. Encik Abdul Rahman bin Md. Ibrahim (Presiden)
Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim
Encik Azham Bin Murat
Encik Syaarani Amri bin Muhamad
Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain
Encik Ramli Bin Yusob
Encik Rahmat bin Md Hassan

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin
Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Turut Hadir

Tn. Hj. Yusoff Bin Abdullah
Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar (Kesihatan)

Encik Mohd Rashid bin Abdul Rejab
Timbalan Pendaftar
Pejabat Naib Canselor

Puan Siti Aishah binti Abdul Raffar
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Puan Rozie Aniza Kartini binti Che Ghani
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Tidak Hadir:

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria
Pengarah Kampus Kejuruteraan

YBrs. Profesor Madya Dr. Sundramoorthy A/L M.Pathmanathan
(Presiden)

Dr. Ahmad Sufril Azlan bin Mohamed
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Mohammad Zaip bin Ahmad
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Ooi Cheong Hwa
Ahli Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

MINIT 1

Aluan Pengerusi

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan Pengerusi kepada semua ahli yang hadir ke Mesyuarat kali ke-59 Majlis Bersama Jabatan. Mesyuarat mengambil maklum berkenaan ketidakhadiran ahli majlis daripada Wakil Pekerja dan Wakil Pegawai ke Mesyuarat kali ke-59 Majlis Bersama Jabatan. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa Mesyuarat kali ke-59 Majlis Bersama Jabatan merupakan mesyuarat kedua bagi tahun 2019 dan pertama kali diadakan di Kampus Kesihatan.

- 1.1 Majlis merakamkan ucapan terima kasih di atas inisiatif mengadakan Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan KKAUSM yang telah diadakan pada 13 Mei 2019 dan telah menyelesaikan banyak isu operasi berkaitan staf kumpulan pelaksana.

Mesyuarat turut memaklumkan bahawa Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bersama PKAPUSM tidak diadakan kerana tiada isu daripada pihak PKAPUSM.

- 1.2 Mesyuarat merakamkan ucapan aluan kepada ahli majlis baharu yang telah dilantik mengikut perlembagaan MBJ sebagai ahli Majlis Bersama Jabatan USM. Ahli yang terlibat ialah:

Wakil Pekerja (Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran)

- ❖ Dr. Syahidah Akmal Binti Muhammad
- ❖ Profesor Madya Dr. Muzaimi Mustapha
- ❖ Dr. Ooi Cheong Hwa

- 1.3 Mesyuarat merakamkan ucapan penghargaan kepada ahli majlis yang tidak lagi terlibat dalam Majlis Bersama Jabatan atas sumbangan dan sokongan yang diberikan. Ahli majlis tersebut adalah seperti berikut:

Wakil Pekerja (Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran)

- ❖ Puan Siti Noraini Binti Jupri
- ❖ Dr. Mohd Zarawi B. Mat Nor
- ❖ Dr. Shaik Farid Abdull Wahab

[Tindakan : Makluman]

MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-58 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Rabu, 20 Mac 2019, jam 3.00 petang bertempat di Bilik Persidangan Canselori, Aras 6, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia.

[Tindakan : Urusetia MBJ]

MINIT 3 Perkara-Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-58

3.1 [Minit 6.3] Perkhidmatan Mesin Fotostat di Anjung Semarak

Mesyuarat memaklumkan bahawa kemudahan mesin fotostat yang terdapat di Bangunan D12 bersebelahan dengan Maybank dalam perancangan untuk dipindahkan ke Anjung Semarak, tingkat 3 yang telah dicadangkan oleh Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil Bin H. P. Shawkataly dan Bendahari, Dr. Rohayati Binti Mohd. Isa.

Pihak Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM) telah mengemukakan surat permohonan kepada Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Aset memohon peruntukan untuk membuat penambahbaikan bagi penyediaan ruang perkhidmatan mesin fotostat dan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian. Justeru, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Aset telah memberikan maklumbalas kepada pihak KKAUSM bahawa perkhidmatan tersebut adalah tidak bersesuaian untuk dijalankan di tingkat 3, Anjung Semarak. Hal ini kerana beban mesin dan percetakan akan mengganggu struktur lantai di bangunan tersebut. Anjung Semarak dibina adalah untuk menampung aktiviti pelajar sahaja.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju sekiranya perkara tersebut dapat diselesaikan di peringkat Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Aset.

[Tindakan : Kesatuan Kakitangan Am]

3.2 [Minit 3.1]: Kemajuan Aktiviti Pembekalan Pakaian Seragam

Mesyuarat memaklumkan bahawa pihak Pasukan Petugas Pakaian Seragam di bawah Bahagian Sumber Manusia (BSM) telah mengadakan tiga (3) kali mesyuarat bagi membincangkan isu berkenaan kepelbagaian warna dan reka bentuk mengikut gred pakaian seragam paramedik yang melibatkan Pegawai Farmasi/Penolong Pegawai Farmasi, Jururawat, dan Pembantu Perawatan Kesihatan.

Mesyuarat turut memaklumkan bahawa paramedik telah bersetuju untuk selaraskan warna pakaian seragam iaitu warna ungu seperti sedia kala.

Dari aspek kewangan, mesyuarat mencadangkan agar pakaian paramedik tidak perlu ditukar dari segi warna atau reka bentuk, sebaliknya hanya menggunakan indikator tertentu seperti tag nama atau yang seumpamanya bagi membezakan gred bagi tujuan penjimatan kos.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju agar selaraskan warna pakaian paramedik kepada ungu dan menggunakan tag nama atau yang seumpama dengannya bagi tujuan perbezaan gred.

[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia]

3.3 [Minit 3.2]: Cadangan Model Insurans Kelompok

Mesyuarat memaklumkan bahawa kumpulan *taskforce* insurans kelompok di bawah KKAUSM telah mengadakan lawatan ke Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Contohnya, UUM menjalankan kaedah secara potongan gaji staf mengikut pakej tetapi kaedah ini tidak meliputi semua rawatan seperti yang dipraktikkan di Universiti Sains Malaysia. Selain itu, terdapat banyak Universiti yang menggunakan Cuepacs Care.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak KKAUSM telah membentangkan perkara ini di dalam Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan pada 13 Mei 2019.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa kumpulan *taskforce* yang terdiri daripada pihak KKAUSM, pihak pegawai daripada BSM dan Jabatan Bendahari sedang bekerjasama dalam membuat kajian mengenai insurans kelompok ini dengan mengumpul maklumat dan data untuk mendapat pilihan yang terbaik untuk diberikan kepada staf.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil maklum dan memohon *taskforce* membentangkan cadangan kepada mesyuarat.

[Tindakan : Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, KKAUSM]

MINIT 4

Perkara Daripada Pihak Majikan

4.1 Inisiatif dan Status Pengoptimum Bakat

4.1.1 Ratio Akademik dan Bukan Akademik

Pendaftar memaklumkan berkenaan status ratio terkini staf akademik bagi akademik dan bukan akademik. Pada Mesyuarat Lembaga Gabenor Universiti (LGU) tahun 2015, ratio bagi akademik dan bukan akademik (tidak termasuk HUSM) yang telah dibentangkan ialah 1:2.52. Pada Mesyuarat LGU tahun 2015 tersebut, Universiti telah membuat tetapan untuk mencapai ratio 1:2

sebelum atau menjelang tahun 2020. Catatan ratio tertinggi ialah pada tahun 2017 iaitu sebanyak 1:2.68. Pelbagai inisiatif pengoptimum bakat yang telah diambil dan dilaksanakan oleh BSM bersama KKAUSM dan PKAPUSM sehingga Universiti dapat capai sasaran dua (2) tahun lebih awal dari perancangan iaitu 1:1.93 pada tahun 2018.

Pendaftar memaklumkan bahawa jika Universiti tidak mengisi perjawatan atau menggantikan staf yang bersara pada tahun ini, Universiti boleh mencapai ratio 1:1.7. Universiti berkemungkinan dapat mencapai ratio 1:1.6 menjelang tahun 2020 jika tidak mengisi jawatan staf yang bersara. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, Pendaftar amat mengharapkan kerjasama daripada semua pihak termasuk ketua jabatan. Walau bagaimanapun, Pendaftar memaklumkan bahawa ratio tidak memberi kesan besar kepada emolumen.

Mesyuarat memaklumkan bahawa perkara ini akan dilihat semula di Mesyuarat LGU akan datang dan melihat semula keputusan Mesyuarat LGU pada tahun 2015 kerana emolumen tidak dimasukkan sebagai strategi Universiti pada masa tersebut. Mesyuarat juga memaklumkan bahawa jika tidak ada kawalan di peringkat staf akademik yang juga menambat emolumen, perkara ini akan memberi kesan terhadap operasi Universiti dan juga produktiviti.

Pendaftar memaklumkan bahawa kumpulan *taskforce* telah diwujudkan untuk memastikan perkara ini selari dengan hala tuju Universiti.

4.1.2 Work Profiling System

Pendaftar memaklumkan bahawa Aktiviti Penilaian Profil Pekerjaan (*Work Profiling*) adalah agenda besar untuk memastikan staf mengemas kini Deskripsi Tugas (JD) mereka. Apabila sesuatu jawatan itu wujud, *Job Analysis* akan dikeluarkan. Seramai 1347 staf yang melibatkan Kampus Induk, Kampus Kesihatan, Kampus Kejuruteraan dan CEMACS telah menjalankan Aktiviti Penilaian Profil Pekerjaan. Data yang direkodkan banyak membantu BSM untuk melihat semula samada jawatan itu perlu diisi atau tidak diisi.

4.1.3 MyPerformance

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Universiti telah mengkaji semula dan membangunkan format baharu Sistem Penilaian Prestasi yang telah dibuat oleh kerajaan pada tahun 1992. Seramai lebih kurang 2000 orang staf bukan akademik telah menjalankan sesi fasa satu pelaksanaan, MyPerformance pada tahun ini. Semua sesi taklimat telah diselesaikan secara berperingkat.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa, sistem *MyPerformance* ini dibangunkan oleh BSM dengan kerjasama daripada pihak KKAUSM, PKAPUSM dan juga beberapa penglibatan ketua jabatan. Proses yang sedang dijalankan buat masa ini ialah proses untuk memasukkan komponen-komponen dalam sistem secara keseluruhan. Universiti juga telah mendapat maklumbalas daripada pihak staf bukan akademik untuk penambahbaikan sistem.

4.1.4 Hari Warga USM 2019

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Universiti telah menukar nama 'Hari Warga Staf' kepada 'Hari Warga USM' yang bertemakan "USM 50 Tahun Bersama Memimpin Perubahan" kerana pada tahun ini ianya akan melibatkan staf, pelajar, alumni dan juga pesara. Hari Warga USM akan diadakan pada 16 dan 17 Ogos 2019.

Nama kontingen yang disenaraikan ialah Merbah Surih, Birik Birik, Pekaka Udang, Pipit Hutan, Pucung Harimau, Sambar Kuning dan Tampung Bajau. Nama-nama ini meliputi Kampus Induk sebanyak 4 kontingen, IPPT 1

kontingen, Kampus Kesihatan 1 kontinjen dan Kampus Kejuruteraan 1 kontinjen.

4.1.5 Majlis Konvokesyen kali ke 57

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Majlis Konvokesyen kali ke 57 akan diadakan pada 23 - 29 September 2019. Persiapan telah bermula dari bulan Mac 2019.

Mesyuarat memaklumkan bahawa surat jemputan kepada Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir telah diserahkan kepada Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Mesyuarat memaklumkan bahawa Universiti akan menerbitkan Buku Komemoratif sempena Sambutan 50 Tahun USM yang menunjukkan pencapaian universiti yang memberi kesan selama 50 tahun. Buku tersebut akan dilancarkan oleh Tuanku Raja Perlis yang bertemakan "USM 50 Years of Leading Knowledge for Change". Penerbitan buku tersebut memerlukan penglibatan daripada Timbalan-Timbalan Naib Canselor USM kerana ianya perlu dilihat daripada pelbagai sudut termasuk akademik, alumni, antarabangsa, pelajar, pesara, staf dan lain-lain. Pengerusi memohon semua pihak dapat terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan buku ini.

4.1.6 Kajian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menambahbaik skim Perkhidmatan Pensyarah dan Guru

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa, pihak BSM telah mengadakan satu mesyuarat pada 1 Julai 2019 bersama beberapa dekan pusat pengajian dan wakil dari PKAPUSM bagi membincangkan tentang inisiatif kajian yang dijalankan oleh pihak JPA bagi tujuan penambahbaikan skim pensyarah dan guru di universiti awam secara keseluruhan.

Hasil dari mesyuarat tersebut, satu laporan maklumbalas bagi pihak USM telah dikemukakan kepada Majlis Pendaftar-pendaftar UA untuk diselaraskan cadangan tersebut sebelum ianya dikemukakan kepada pihak JPA.

Mesyuarat mengambil maklum tentang inisiatif JPA dalam menambahbaik skim perkhidmatan pensyarah dan guru di universiti awam. Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa cadangan ini akan diselaraskan di peringkat JPA terlebih dahulu bagi tujuan penelitian lanjut.

[Tindakan : Makluman]

MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja

5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

Tiada perkara daripada PKAPUSM

5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

5.2.1 Taskforce Kajian dan Cadangan Pelaksanaan Waktu Fleksi di Universiti Sains Malaysia

Pihak KKAUSM memaklumkan bahawa cadangan untuk melaksanakan waktu fleksi di Universiti Sains Malaysia adalah bermula dari jam 7.30 pagi hingga 9.00 pagi dan pulang bekerja mulai jam 4.30 petang hingga 6.00 petang.

Mesyuarat memaklumkan bahawa simulasi akan diadakan pada awal bulan Julai. KKAUSM dan wakil skim akan bersama untuk melihat

semula secara keseluruhan dan kepelbagaian kaedah ini untuk Universiti pertimbangkan sebelum ianya dilaksanakan sepenuhnya di Universiti. BSM akan mendapatkan maklumbalas dan mengenalpasti aspek-aspek yang diketengahkan oleh wakil skim yang melibatkan waktu bekerja shif di USM.

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa perkara ini akan melibatkan pihak pembangunan sistem dari Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) yang akan melihat semula sistem kehadiran sedia ada untuk penambahbaikan atau membangunkan sistem baharu supaya ianya selari dengan cadangan pelaksanaan waktu fleksi ini.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju hasil kajian *taskforce* akan dibentangkan di dalam mesyuarat MBJ akan datang.

[Tindakan : Jabatan Pendaftar dan KKAUSM]

MINIT 6 : Hal-hal Lain

6.1 Tender Mesin Rumput

Pihak KKAUSM telah membangkitkan isu berkenaan masalah yang dihadapi oleh Kampus Kejuruteraan terhadap tender mesin rumput di kampus tersebut. Masalah ini telah menyebabkan kawasan persekitaran kampus dipenuhi oleh rumput yang panjang dan tidak terurus

Mesyuarat mengambil maklum bahawa, perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak Jabatan Bendahari. Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa surat yang berkaitan telah dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari kepada pihak terlibat.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil maklum dan memohon agar segala tindakan susulan yang diambil bagi menangani isu ini dimaklumkan kepada Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan dari semasa ke semasa.

[Tindakan : Pengarah Kampus Kejuruteraan]

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.50 pagi dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :

.....
**ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN
MOHAMAD TAJULARIFFIN**
Setiausaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh :

.....
ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD
Setiausaha Bersama (Wakil Pekerja)
MBJ USM